



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Untuk Siaran Segera

Program 'Klik Dengan Bijak' Membudayakan Nilai-Nilai Murni Pengguna Internet

Menumbok: 11 Januari, 2013 --- Susulan pertambahan jumlah pengguna internet yang memberangsangkan di Malaysia serta peningkatan kadar penembusan jalur lebar seperti yang disasarkan, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan sokongan agensi-agensi di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) akan memulakan kempen jelajah 'Klik dengan Bijak' (KDB) ke seluruh negara, bermula dengan negeri Sabah.

Program KDB yang dapat menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat ini telah dilancarkan oleh Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan pada 1 Julai 2012 di Permatang Pauh, Pulau Pinang untuk memberi penekanan kepada orang ramai agar berwaspada, bertanggungjawab dan mengutamakan keselamatan semasa melayari internet. Sasaran khusus program adalah golongan kanak-kanak, belia dan para ibu bapa serta penjaga.

Program 'Klik dengan Bijak' peringkat negeri Sabah ini dilihat sebagai salah satu wadah utama bagi pihak SKMM memainkan peranannya dengan lebih proaktif bagi meningkatkan kesedaran keselamatan Internet terhadap golongan sasaran. Aktiviti akan dimantap serta diperbanyakkan dan pelaksanaannya adalah menerusi Pusat Jalur Lebar Komuniti di seluruh negeri Sabah demi memastikan mesej-mesej yang mahu disampaikan mampu difahami dan dipraktikkan oleh masyarakat.

Pelbagai acara menarik diatur untuk para pengunjung yang hadir ke program dua hari yakni pada 11 dan 12 Januari itu seperti taklimat keselamatan Internet, bengkel ICT, kuiz ICT, 'Explorace', permainan Klik dengan Bijak,

Kenyataan Media

Press Release

pertandingan mewarna, pertandingan sketsa, kenduri rakyat dan lain-lain. Cabutan Bertuah dan Pesta Aiskrim dijangka akan memeriahkan lagi suasana program tersebut. Pengunjung turut disajikan dengan konsert 'live' penghibur terkenal tanah air seperti Najwa Latif, Black, Dafi, Wann dan Fredo.

Majlis pelancaran dijangka akan disempurnakan oleh Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr Rais Yatim dan dihadiri oleh Pengerusi SKMM, Dato' Mohamed Sharil Tarmizi, serta pemimpin-pemimpin negeri Sabah.

[Tamat]

Nota kepada Editor:

Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media.

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.skmm.gov.my

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Sheikh Raffie Abdul Rahman
Penasihat Strategik, Jabatan Komunikasi Korporat

Rahayu Abdul Aziz
Timbalan Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Tel: +603 8688 8000

Faks: +603 8688 1007

E-mel: ccd@cmc.gov.my